

UTAMA (/) MENGENAI KAMI (/MENGENAI_KAMI-1) PELAJAR SEMASA (/UPM/PELAJAR_SEMASA-11)
 STAF (/UPM/STAF-13) ALUMNI (/UPM/ALUMNI-14)
 MAKLUMBALAS (HTTP://U-RESPONS.UPM.EDU.MY/ACTION.FORM?PTJ=UPM&LANG=BM&PUBLIC=1)

Carian



(<http://www.upm.edu.my>)

Selamat Datang Ke Laman Portal
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA



(<https://www.malaysia.gov.my>)

PENYELIDIKAN (/penyelidikan-3) AKADEMIK (/akademik-15) JARINGAN (/jaringan-16) ANTARABANGSA (/antarabangsa-2)
 KEHIDUPAN KAMPUS (/kehidupan_kampus-18) PERKHIDMATAN (/perkhidmatan-19)

BM



Senarai Berita (/berita)

Young Scientist Apprentice Tarik Minat Pelajar SAMTSH Terhadap Kimia

Oleh: Athirah Nur Damia Aminudin



KLANG - Seramai 120 orang pelajar aliran sains Sekolah Agama Menengah Tinggi Sultan Hisamuddin, Klang, Selangor (SAMTSH) mengikuti Program Young Scientist Apprentice (YSA) baru-baru ini.

Program YSA itu diadakan dengan kerjasama Persatuan Mahasiswa Fakulti Sains (FaSSA) Universiti Putra Malaysia (UPM) serta Young Scientist Network-Academy of Sciences Malaysia (YSN-ASM).

Penasihat program, Prof. Madya Dr. Tan Kar Ban berkata program itu bertujuan menyampaikan informasi kepada pelajar mengenai haluan selepas menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan landasan untuk memilih jurusan di instituti pengajian tinggi kelak.

"Program ini bagi menyemai minat pelajar dalam bidang kimia melalui pendedahan kepada teori kimia dan aplikasinya serta membantu perkembangan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) yang akan memberi manfaat kepada pelajar," katanya.

Program yang dikendalikan oleh 28 pelajar Kelab Mahasiswa Kimia, Fakulti Sains UPM itu juga disertai oleh beberapa orang pensyarah Jabatan Kimia UPM.

LIHAT JUGA



Mengekal kelestarian kualiti tanah, air Emp dan Ahning
 (/berita/mengekal_kelestarian_kualiti_tanah_muda_dan_ahning-30639)



850 anjing dihimpun sempena Dogathon ur dana haiwan terbiar
 (/berita/850_anjing_dihimpun_sempena_dogathon_dana_haiwan_terbiar-30637)



Young Scientist Apprentice tarik minat pelajar terhadap kimia
 (/berita/young_scientist_apprentice_tarik_minat_pelajar_terhadap_kimia-30635)



Universiti Putra Malaysia
 43400 UPM Serdang
 Selangor Darul Ehsan

☎ 1800 22 5587

☎ +603 8948 7273

@ marketing@upm.edu.my (mailto:marketing@upm.edu.my)



Pelbagai aktiviti menarik berkaitan Kimia dan Sains dijalankan sepanjang program, antaranya Science Toon Competition, Letusan Krakatoa, Crime Scene Investigation (CSI), Water Rocket Launching dan Parachute.

Selain itu, slot Stesen Sains membolehkan pelajar merasai sendiri pengalaman mencuba pelbagai jenis eksperimen yang disediakan dengan bantuan fasilitator. Aktiviti seperti itu bukan sahaja dapat menarik minat pelajar terhadap kimia malah mereka dapat mengaplikasikan teori yang dipelajari di dalam kelas.

Pelajar tingkatan lima, Irdina Nadia, 17 berkata beliau seronok dengan setiap aktiviti yang dijalankan kerana banyak input yang diterima melalui program itu.

Pengetua SAMTSH, Nadzarah Mahmud ketika berucap pada majlis penutupan program berkata beliau mengharapkan program itu dapat memberikan inspirasi dan impak yang tinggi kepada peserta agar lebih meminati dan menguasai subjek Kimia, seterusnya dapat melonjakkan prestasi sekolah dalam SPM. - UPM

Kemaskini: 13/04/2017 [hairul_nizam]

HUBUNGI KAMI

Universiti Putra
Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

☎ 1800 22 5587

☎ +603 8948 7273

✉ marketing@upm.edu.my

PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan Malaysia
(<http://www.moe.gov.my/>)

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi
Nasional (PTPTN)
(<http://www.ptptn.gov.my>)

1Malaysia
(<http://www.1malaysia.com.my>)

Multimedia Super Corridor
(<http://www.mscomalaysia.my>)

Portal myGovernment
(<https://www.malaysia.gov.my/en/home>)

Agensi Kelayakan Malaysia
(<http://www.mqa.gov.my/>)

PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

KM Portal
(<http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home>)

Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN)
(<http://www.sisman.upm.edu.my/>)

Sistem Permohonan ke Luar Negara
(<http://spln.upm.edu.my>)

Jawatan Kosong (<http://spj.upm.edu.my/>)

Sistem Baik Pulih ICT (<http://zonict.upm.edu.my/>)

Putra Learning Hub (<http://learninghub.upm.edu.my/>)

Sistem Pengurusan Perubatan
(<http://regmedic.upm.edu.my/>)

Sistem E-Claim (<http://eclaims.upm.edu.my/login/>)

i-GIMS (staf)
(<http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp>)

i-GIMS (pelajar pascasiswazah)
(<http://sgsportal.upm.edu.my/j2ee/portal/login.jsp>)

Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah)
(<http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup>)

PAUTAN PANTAS

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)
Statistik Transaksi Laman Web (<http://www.tender.kontrak.upm.edu.r>)

Laporan Piagam Pelanggan
(http://www.upm.edu.my/mengenai_kami/n8202)

Dasar UPM (<http://www.pnc.upm.edu.my/D>)

Sistem Pengurusan ISO (<http://reg.upm.edu>)

Dana Wakaf Ilmu (<http://www.fund4knowle>)

Penerbitan UPM (<http://www.upm.edu.my/k>)

Poliklinik Putra Medik
(<http://www.upm.edu.my/kandungan/Polikli>)

[Dasar Privasi \(/footnote/dasar_privasi-29949\)](#) [Hakcipta \(/footnote/hakcipta-29950\)](#)

[RSS \(/footnote/rss-29951\)](#) [Penafian \(/footnote/penafian-29938\)](#)

[Bantuan \(/footnote/bantuan-29937\)](#)

[Dasar Keselamatan \(/footnote/dasar_keselamatan-29939\)](#)

© 2017 Universiti Putra Malaysia



LANGGAN MELALUI EMAIL **HANTAR**